

5

Faktor Pendorong Amalan Berdakwah dalam Kalangan Pelajar Politeknik Sultan

BAHAGIAN III



DAKWAH DAN AKHLAK

5

Faktor Pendorong Amalan Berdakwah dalam Kalangan Pelajar Politeknik Sultan Azlan Shah

Mior Iskandar Mior Azizan dan
Nur A'thiroh Masyaail Tan Abdullah

Pengenalan

Ketika Parti Refah di Turki mencapai kemuncak kegemilangannya pada pertengahan era 90-an, semua orang berebut mahu mengadakan hubungan dengan Parti Refah. Semua orang berminat mengaitkan dirinya dengan Parti Refah. Apabila Erbakan digulingkan, Refah diharamkan, cerita tentang Turki sepi seketika. Tambahan pula di akhir-akhir 90-an, cakap-cakap orang di kota dan desa, masing-masing menyalahkan Parti Refah kerana terlalu ghairah bermain api dengan tentera. Akibatnya, rampasan kuasa berlaku, ekonomi merudum, pengundi Parti Refah dan mereka yang tidak mengundi semuanya menanggung akibat pendekatan *lose-lose* tentera Turki itu. Ketika ini, mahu mencari berita tentang Turki pun agak jarang kelihatan di media.

Lebih awal daripada itu, gerakan Ikhwan al-Muslimin yang diasaskan oleh Hasan al-Banna pada tahun 1928, dilihat sebagai pengasas gerakan Islam bermanhaj pasca kejatuhan Khilafah Uthmaniyyah. Kehebatannya dan ketersusunan gerak kerja Hasan al-Banna dan Ikhwan al-Muslimin menjadi rujukan umat Islam sedunia. Maka muncul pula gerakan-gerakan Islam yang menjadikan Ikhwan al-Muslimin sebagai *benchmark*. Ukuran kesempurnaan

sebuah jamaah itu dibuat berdasarkan sejauh mana mereka memenuhi piawaian Ikhwan al-Muslimin.

Tidak lama dahulu, ramai pula yang berebut mahu menjadi wakil Parti Keadilan Sejahtera (PKS) Indonesia di Malaysia. Mula-mula kedengaran satu dua tempat dalam kalangan pelajar Malaysia di luar negara, kini berjangkit merebak dalam kalangan mahasiswa di Malaysia pula. Sudah tentu hanya PKS sahaja yang tahu sama ada mereka ada mewakilkan sesiapa untuk menjadi duta mereka di sini, tetapi ia lebih menyerlahkan sikap *self-proclaim* yang berpenyakit dalam kalangan anak muda ini. Ketika PKS kelihatan begitu aktif, cergas dan mendapat sambutan luar biasa di Indonesia, penyakit lama berulang kembali. Jika dahulu mahu menjadi wakil Ikhwan, kemudian mahu menjadi wakil Refah, dan kini mahu menjadi wakil PKS pula. Sikap sebegini menjadi indikator kepada lemahnya jati diri kita dalam mengendalikan kerja-kerja Islam.

Menurut Rosidah Jemain (2012), proses untuk melaksanakan sesuatu amalan terutama amalan keagamaan perlu kepada ilmu pengetahuan dan dorongan. Dorongan tersebut hadir dari dalam dan juga luar diri manusia itu. Sorotan di atas menggambarkan wujudnya penggerak yang menjadi faktor pendorong seseorang untuk melaksanakan gerak kerja dakwah. Namun, fenomena di atas bukanlah faktor tunggal yang menggerakkan seseorang untuk berdakwah. Dipercayai banyak lagi faktor yang mendorong perlakuan tersebut. Faktor ini pula dipengaruhi oleh pelbagai elemen lain seperti lokaliti, sosio-budaya dan pemahaman seseorang.

Sebenarnya penggerak dakwah pada peringkat awal pengutusan Rasulullah SAW kebanyakannya terdiri daripada pemuda-pemuda; Saidina ʿAli, Musʿab; Saidina ʿUthman dan lain-lain. Dakwah juga cepat diterima dan berkembang di Madinah dan mendapat tentangan hebat di Makkah juga kerana faktor pemudanya. Penduduk Makkah dikuasai oleh golongan tua yang sukar meninggalkan pegangan lama mereka, manakala di Madinah pula, majoriti yang menguasainya ialah pemuda kesan daripada peperangan antara puak *Aus* dan *Khazraj* yang berlangsung hampir 200 tahun yang telah mengorbankan ramai